

**PANDANGAN PELAJAR UPSI
TERHADAP KEHIDUPAN INSANIAH
(*PERCEPTION OF SOFTSKILLS AMONG UPSI STUDENTS*)**

Abd. Kadir bin Arifin
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau pandangan pelajar UPSI terhadap kehidupan insaniah melalui aspek kemanusiaan, ruang, masa dan orientasi. Sampel kajian seramai 60 orang pelajar semester tiga dan semester empat yang terdiri daripada 30 orang pelajar lelaki dan 30 orang pelajar perempuan. Alat kajian yang digunakan adalah borang soal selidik yang mengandungi lima bahagian iaitu a) latar belakang responden, b) aspek kemanusiaan, c) aspek ruang, d) aspek masa dan e) aspek orientasi. Setiap aspek ini akan mewakili enam kategori pilihan jawapan iaitu 1) kerohanian, 2) baris-hierarki/keturunan, 3) saling/perhubungan, 4) individualistik, 5) penganjuran/sokongan luar, dan 6) materialistik. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan ujian-t melalui perisian SPSS (Statistical Package for Social Science) bagi melihat taburan min, kekerapan, peratusan dan sisihan lazim. Keputusan kajian menunjukkan, dalam kehidupan insaniah menerusi aspek kemanusiaan (43%) pelajar memberi keutamaan kepada kategori kerohanian, manakala menerusi aspek ruang pula (32%) pelajar memberi keutamaan kategori saling/perhubungan, menerusi aspek masa (43%) pelajar memberi keutamaan kepada kategori saling/ perhubungan dan menerusi aspek orientasi (39%) pelajar memberi keutamaan kategori individualistik. Walaubagaimanapun, terdapat perbezaan pandangan antara pelajar lelaki dan perempuan, pelajar perempuan lebih tinggi minnya dalam memberi pandangan terhadap kehidupun insaniah menerusi empat aspek tersebut berbanding pelajar lelaki.

Kata Kunci persepsi pelajar, kehidupan insaniah, kajian soal-selidik

Abstract

The purpose of this study was to review students 'perception about soft skills through human aspect, spatial, time and orientation. 60 students from semester three and four participated in this study. There are 30 males and 30 females.

Study was conducted using questionnaire which contained 5 (five): a) respondent's background b) human aspects, c)spatial aspect d) time and e) orientation. Each aspect represented 6 categories of answer which were 1) spiritual, 2) hierarchy level/heredity, 3) relationship/correlation, 4) individualistic, 5) external support/service and 6) materialistic. Data analyzed descriptively through t-Test trough SPSS software (Statistical Package for Social Science) to view mean distribution, frequency percentage and standard deviation. Results showed 43% of respondent choose spiritual in human aspect, while 32% choose relationship/correlation in aspect of spatial, 43% of respondent give priority in aspect of time through relationship/correlation categories, while 39% of them said that orientation aspect was important in individualistic category. However there was differentiation of perception between males and females, where mean distribution for females were higher than males towards soft skills.

Keywords *perception of students, life skills, survey using questionnaire*

PENGENALAN

Manusia merupakan sebaik-baik kejadian yang diciptakan Allah s.w.t untuk memakmurkan dunia ini. Allah menciptakan manusia dalam bentuk yang paling sempurna dan melengkapinya dengan sifat yang unggul. Keunggulan manusia tiada tolok dibandingkan dengan seluruh makhluk ciptaan Allah s. w.t yang lain. Manusia dianugerahkan dengan kemampuan intelektual yang membolehkan manusia berfikir dan memahami tentang hakikat kehidupan di dunia ini (Harun, 2008). Arus perubahan semasa memerlukan manusia sentiasa peka dengan tujuan asal mengapa manusia diciptakan. Walaubagaimanapun, dalam mengejar kehidupan yang sempurna manusia perlu belajar untuk memajukan diri dan belajar mencari hikmah dalam kehidupan. Manusia juga perlu belajar membuat pandangan tentang diri sendiri dan belajar membuat pandangan kehidupan orang disekeliling untuk mempelajari hikmah dalam kehidupan. Manusia perlu sentiasa membuat penilaian sendiri agar dapat melakukan perubahan yang positif dan seterusnya dapat berfungsi dengan baik di dalam kehidupan. Pandangan manusia terhadap diri dan tindakan dalam kehidupan dapat dilihat melalui beberapa aspek iaitu aspek kerohanian, baris-hierarki, saling, individualistik, penganjuran dan materialistik. Malaysia merupakan sebuah negara yang menitikberatkan kepada pembangunan modal insan untuk rakyatnya (YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi)

"Rakyat adalah aset negara paling berharga. Pembangunan modal insan dan anjakan minda dan pemikiran warga merupakan salah satu cabaran terbesar. Sekiranya kita ingin melangkah ke era ekonomi berpaksikan pengetahuan, jika kita mahu menjadi negara maju dan kekal pada tahap tersebut, pembangunan modal insan harus diutamakan dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan, bukan lagi kemewahan. Usaha pembangunan modal insan berkualiti akan digiatkan. Pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan, dan perbudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi."

Manusia merupakan khalifah di muka bumi ini. Tugas dan amanat yang diberikan ini mendorong manusia membentuk jati diri dan corak kehidupan yang berlandaskan prinsip dan moral. Kehidupan yang mencabar menjadikan manusia cenderung untuk memilih sesuatu perkara berdasarkan apa yang difikirkan sendiri dan membuat pandangan terhadap diri berdasarkan apa yang telah dilaluinya. Pengalaman mengajar manusia untuk melihat semula apa yang telah dilakukan sebelum ini dan cuba untuk membentuk pandangan mereka sendiri tanpa dipengaruhi orang lain. Setiap manusia berbeza pandangan terhadap diri dan disebabkan itu juga manusia memilih haluan yang berbeza dengan orang lain. Walaubagaimanapun, setiap manusia perlu seimbang dari aspek rohani, emosi, fizikal, intelek dan sosial agar dapat menerima cabaran dan perubahan yang akan datang dalam diri sendiri kelak.

Manusia tidak lepas dari menghadapi konflik dalam kehidupan, dan disebabkan itu, manusia perlu bijak untuk menyesuaikan diri dalam kehidupan seharian (El Fatih, 2008). Kehidupan sebagai seorang pelajar universiti merupakan kehidupan yang mencabar dan memerlukan seseorang pelajar itu peka dengan perubahan semasa yang berlaku di persekitaran mereka. Kebanyakan pelajar hari ini hanya bergantung kepada nasib dan tidak berusaha untuk menempuhi kehidupan yang mencabar. Para pelajar juga kurang peka terhadap diri sendiri malah tidak dapat mengenali potensi diri serta sering gagal untuk menonjolkan kebolehan diri di dalam dewan kuliah.

Seringkali masalah timbul berkaitan dengan pembelajaran pelajar dalam dewan kuliah dengan aktiviti luar yang banyak yang menyebabkan jadual pembelajaran peribadi perlu diubah serta masa tidak mengizinkan untuk dipenuhi dan di samping itu, masalah ini juga mungkin disebabkan oleh kegagalan para pelajar untuk membezakan baik dan buruk sesuatu perkara untuk diutamakan.

Tekanan persekitaran yang semakin mencabar juga boleh menyumbang kepada kegagalan pelajar untuk menangani masalah tersebut dengan sebaik mungkin dan seterusnya akan menimbulkan konflik emosi, ruang, masa dan orientasi. Pelajar universiti perlu pandai untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang berlaku malah perlu mempunyai sifat berdikari yang tinggi. Kegagalan untuk membuat penentuan sendiri terhadap konflik ini, akan menyebabkan pelajar mengharap bantuan orang lain seperti konselor dan pensyarah adalah perlu. Selain itu, pelajar perlu bijak untuk membahagikan masa, pemilihan ruang, peluang dan orientasi dalam mengejar kebahagiaan di dunia dan akhirat. Kegagalan pelajar membahagikan masa dengan sempurna akan menyebabkan pelajar gagal untuk berfungsi dengan baik dalam kehidupan seharian.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan pandangan pelajar terhadap aspek kemanusiaan iaitu hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan alam, manusia dengan tuhan kedua ruang, peluang, merangkumi kemudahan yang disediakan oleh kerajaan seperti prasarana, infrastruktur, pendidikan, ketiga penggunaan masa dan keempat orientasi semasa berada di universiti dalam melakukan perubahan pengajaran dan pembelajaran demi merialisasi kehidupan seharian.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut; adakah terdapat perbezaan pandangan pelajar terhadap aspek kemanusiaan, ruang, masa dan orientasi mengikut jantina.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian tinjauan melalui soal selidik bagi meninjau pandangan pelajar UPSI terhadap aspek kemanusiaan, ruang, masa dan orientasi. Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar UPSI semester tiga dan empat tahun 2008 seramai 61 orang melalui teknik persampelan secara rawak mudah digunakan. Melalui teknik persampelan ini, seramai 25 orang pelajar lelaki dan 36 orang pelajar perempuan terlibat. Instrumen kajian ialah soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik. Soal selidik tersebut terbahagi kepada empat aspek iaitu kemanusiaan, ruang, masa dan orientasi.

Skala likert (1 hingga 6) digunakan untuk mengukur maklum balas responden bagi setiap item yang dikemukakan. Setiap skala tersebut terdiri daripada kerohanian, baris-hierarki / keturunan, saling / perhubungan, individualistik, penganjuran / sokongan luar dan materialistik.

Sebelum soal selidik tersebut digunakan dalam kajian sebenar, kajian rintis telah dijalankan. Menerusi kajian rintis, soal selidik telah dirujuk kepada panel pakar yang terdiri daripada pensyarah UPSI yang berpengalaman dalam aspek kemanusiaan, ruang, masa dan orientasi. Maklum balas daripada mereka telah dijadikan sumber rujukan untuk mengubah suai semula item-item yang digubal. Selain daripada itu, ujian kebolehpercayaan terhadap item-item yang dibina juga telah dijalankan.

Pengumpulan data dilakukan sendiri oleh peoyelidik. Sebelum mengedarkan soal selidik, penyelidik memberi sedikit taklimat ringkas berkaitan cara menjawab soalan agar tidak timbul salah faham. Masa yang diambil untuk mengisi borang soal selidik ialah lebih kurang 60 minit dan kesemua pelajar yang terlibat perlu borang soal selidik telah mengembalikan terus borang tersebut kepada penyelidik. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan ujian-t melalui perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) untuk melihat taburan min, kekerapan, peratusan dan sisihan lazim.

Hasil daripada ujian kebolehpercayaan, *Reliability Analysis Scale Alpha* telah menunjukkan nilai alpha item secara keseluruhan adalah melebihi nilai alpha 0.75. Manakala dalam komponen aspek pula didapati aspek kemanusiaan mencatatkan nilai alpha iaitu 0.7130, aspek ruang 0.7201, aspek masa 0.7004 dan aspek orientasi 0.9027. Menurut Sakaran (1992) mengatakan keputusan alpha yang melebihi 70 peratus adalah baik dan boleh diterima. Oleh itu adalah diyakini item-item yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang baik.

Jadual 1 Keputusan Ujian Kebolehpercayaan (Cronbach Alpha)

Pembolehubah	Jumlah Item	Cronbach Alpha
Kemanusiaan	8	.7130
Ruang	2	.7210
Masa	1	.7004
Orientasi	16	.9027
Alpha Keseluruhan	27	.7590

DAPATAN KAJIAN

Dapatan dalam kajian ini dihuraikan berdasarkan analisis mean sisihan lazim dan peratusan untuk menjawab persoalan yang dikemukakan.

Jadual 2 Min dan Sisihan Lazim Pembolehubah Kajian

Jantina	Pandangan			
	Kemanusiaan	Ruang	Masa	Orientasi
Lelaki				
N	30	30	30	30
Min	163.7000	40.8333	19.9000	326.3333
Sisihan Lazim	9.0101	2.5063	2.2338	23.8101
Minimum	139.00	33.00	14.00	259.00
Maksimum	175.00	42.00	21.00	351.00
%	49.5	49.9	48.6	48.9
Perempuan				
N	30	30	30	30
Min	167.2667	41.0000	21.0667	340.3333
Sisihan Lazim	8.2550	2.1009	.6915	22.8976
Minimum	144.00	33.00	19.00	293.00
Maksimum	197.00	42.00	24.00	441.00
%	50.5	50.1	51.4	51.0

Jadual 3 Pandangan Terhadap Aspek Kemanusiaan

Item	Lelaki			Perempuan		
	Mean	Sisihan Lazim	Peratus (%)	Mean	Sisihan Lazim	Peratus (%)
Item 1	19.16	3.7934	40.3	19.69	3.1151	59.7
Item 2	21.08	3.7296	40.7	21.36	2.5089	59.3
Item 3	21.28	3.0621	39.6	22.50	2.7723	60.4
Item 4	21.64	3.4506	40.8	21.78	2.2439	59.2
Item 5	20.80	4.4441	39.6	21.75	3.7062	60.1
Item 6	19.16	4.8792	38.6	21.14	3.3650	61.4
Item 7	21.12	3.9085	37.8	23.00	2.3053	62.2
Item 8	20.84	3.8371	39.4	22.31	3.2322	60.6
Kemanusiaan	164.08	16.7280	39.6	173.5278	14.1108	60.4

Jadual 3. Data secara keseluruhan menunjukkan pandangan terhadap aspek kemanusiaan mengikut jantina. Didapati min bagi pelajar perempuan, min = 173.5278 mencatatkan perbezaan min yang besar dengan pelajar lelaki, min = 164.08, perbezaan min sebanyak 9.4478, ini menunjukkan pelajar perempuan lebih tinggi memilih aspek kemanusiaan.

Jadual 4 Ujian-t Perbandingan Pandangan Pelajar Terhadap Aspek Kemanusiaan

Jantina	n	Mean	Sisihan Lazim	Nilai t	df	Sig.
Lelaki	30	163.7000	9.0101	-1.601	58	.075
Perempuan	30	167.2667	8.2250			

Jadual 4 membuktikan bahawa jantina bukanlah faktor yang dominan dalam mempengaruhi perbezaan pandangan insaniah pelajar terhadap aspek kemanusiaan. Ini disebabkan dapatan tersebut, menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan hubungan kedua-dua pembolehubah yang tidak signifikan iaitu pada nilai $t = -1.601$, $P > .05$. Ini bermakna kategori jantina tidak memberi apa-apa mesej terhadap pandangan insaniah pelajar terhadap aspek kemanusiaan.

Jadual 5 Pandangan Pelajar Terhadap Item Kemanusiaan

Item Kemanusiaan	Kategori (%)					
	KR	BH	SL	ID	PJ	MT
1. Kemanusiaan adalah zat manusia yang diwujudkan oleh (a) sifat jiwanya.	48(78.7)	4(6.6)	3(4.9)	5(8.2)	1(1.6)	-
2. Manusia menjadi baik atau jahat kerana (f) pengaruh wang.	2(3.3)	1(1.6)	6(9.8)	6(9.8)	6(9.8)	40(66)
3. Punca motivasi seseorang adalah (d) tujuan dan cita-cita peribadinya.	2(3.3)	5(8.2)	4(6.6)	42(69)	7(12)	1(1.6)
4. Kegiatan terbaik dilaksanakan oleh seseorang adalah (a) membawanya mengingati penciptanya.	38(62.3)	5(8.2)	8(13)	4(6.6)	4(6.6)	2(3.3)
5. Kejayaan seseorang diperolehi menerusi (b) usaha dan doa yang bersungguh-sungguh.	37(60.7)	9(15)	6(9.8)	3(4.9)	4(6.6)	2(3.3)
6. Harga diri seseorang bergantung kepada (a) kemurniaan jiwa dan kehalusan budi pekertinya.	45(73.8)	5(8.2)	2(3.3)	6(9.8)	1(1.6)	

Jadual 5 (Samb.)

7. Seseorang akan memperoleh kekuatan dari (b) keupayaan bertindak secara individu yang bebas.	-	6(9.8)	7(12)	46(75.4)	2(3.3)	-
8. Kehidupan seseorang menjadi cemerlang jika dititikberatkan (e) ajaran agama dan suruhan Tuhan.	39(63.9)	3(4.9)	5(8.2)	9(14.8)	3(4.9)	2(3.3)
Total	211(43)	38(7)	41(9)	121(25)	28(6)	49(10)

Jadual 5, menunjukkan secara terperinci pandangan pelajar terhadap item kemanusiaan. Didapati seramai 48 orang (78.7%) memilih (b) sifat jiwanya yang dikategorikan sebagai kerohanian bagi item 91), 40 orang (66%) memilih (f) pengaruh wang yang dikategorikan sebagai materialistik bagi item (2), 42 orang (69%) memilih (d) tujuan dan cita-citanya yang dikategorikan sebagai individualistik bagi item (3), 38 orang (62.3%) memilih (a) membawanya mengingati penciptanya yang dikategorikan sebagai kerohanian bagi item (4), 37 orang (60.7%) memilih (b) usaha dan doa yang bersungguh-sungguh yang dikategorikan sebagai kerohanian bagi item (5), 45 orang (73.8%) memilih (a) kemurniaan jiwa dan kehalusan budi pekertinya yang dikategorikan sebagai kerohanian bagi item (6), 46 orang (75.4%) memilih (b) keupayaan bertindak secara individu yang bebas yang dikategorikan sebagai individualistik bagi item (7), dan bagi item (8), seramai 39 orang (63.9%) memilih (e) ajaran agama dan suruhan tuhan bagi yang dikategorikan sebagai kerohanian. Oleh itu, data secara jelas menunjukkan dalam aspek kemanusiaan (43%) pelajar menekankan kategori kerohanian berbanding kategori yang lain. Hal ini kerana pelajar ini masih mempunyai pegangan yang teguh terhadap agama masing-masing. Justeru itu, untuk menjadi seorang guru menjalani kehidupan yang insaniah, seseorang itu perlu mempunyai nilai moral yang tinggi bagi menjadi seorang model yang baik kepada pelajar. Keadaan ini dapat menerapkan akhlak keperibadian kepada pelajar di sekolah.

Perbezaan pandangan pelajar terhadap aspek ruang mengikut jantina

Jadual 6 Pandangan Terhadap Aspek Ruang

Item	Lelaki			Perempuan		
	Mean	Sisihan Lazim	Peratus (%)	Mean	Sisihan Lazim	Peratus (%)
Item 9	19.32	4.5527	40.1	20.0556	4.2220	59.5
Item 10	20.40	3.9370	39.8	21.4167	3.1747	60.2
Ruang	39.72	7.5637	39.9	41.4722	6.0733	60.1

Jadual 6, secara keseluruhan menunjukkan pandangan terhadap aspek ruang mengikut jantina. Didapati min bagi pelajar perempuan, min = 41.4722 mencatatkan perbezaan min yang besar berbanding dengan pelajar lelaki, min = 39.72, perbezaan min sebanyak 1.7522, ini menunjukkan pelajar perempuan lebih tinggi memilih aspek ruang.

Jadual 7 Ujian-t Perbandingan Pandangan Pelajar Terhadap Aspek Ruang

Jantina	n	Mean	Sisihan Lazim	Nilai t	df	Sig.
Lelaki	30	40.8333	2.5063	-.279	58	.459
Perempuan	30	41.0000	2.1009			

Jadual 7, membuktikan bahawa jantina bukanlah faktor yang dominan dalam mempengaruhi perbezaan pandangan insaniah pelajar terhadap aspek ruang. Ini disebabkan dapatan tersebut, menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan hubungan kedua-dua pembolehubah yang tidak signifikan iaitu pada nilai $t = -0.279$, $P > 0.05$. Ini bermakna kategori jantina tidak memberi apa-apa mesej terhadap pandangan insaniah pelajar terhadap aspek ruang.

Jadual 8 Pandangan Pelajar Terhadap Item Ruang

Item Ruang	Kategori (%)					
	KR	BH	SL	ID	PJ	MT
9. Ruang wujud sebagai (f) semua tempat saling pengaruh-mempengaruhi antara satu sama lain.	6(9.8)	8(13)	26(42.6)	10(16.4)	8(13)	3(4.9)

Jadual 8 (*Samb.*)

10. Keadaan di beberapa tempat yang tidak tenteram adalah kerana (b) balasan Tuhan kepada golongan-golongan yang ingkar perintahNya.	30(49.2)	6(10)	13(21.3)	5(8.2)	3(4.9)	4(6.6)
Total	36(30)	14(11)	39(32)	15(12)	11(9)	7(6)

Jadual 8, menunjukkan secara terperinci pandangan pelajar terhadap item ruang. Didapati seramai 26 orang (42.6%) memilih (f) semua tempat saling pengaruh-mempengaruhi antara satu sama lain yang dikategorikan sebagai saling bagi item (9) dan seramai 30 orang (49.2%) memilih (b) balasan tuhan kepada golongan-golongan yang ingkar perintahNya yang dikategorikan sebagai kerohanian bagi item (10). Oleh itu, data secara jelas menunjukkan dalam aspek ruang (32%) pelajar menekankan kategori saling/perhubungan berbanding kategori yang lain. Hal yang demikian kerana pelajar ini masih berpegang teguh kepada kepercayaan agama sesuai dengan profesionalisme seorang guru yang dianggap sebagai Murabbi. Oleh itu, mereka ini perlu mencari pengalaman luar untuk meningkatkan ilmu pengetahuan.

Perbezaan pandangan pelajar terhadap aspek masa mengikut jantina

Jadual 9 Pandangan Terhadap Aspek Masa

Item	Lelaki			Perempuan		
	Mean	Sisihan Lazim	Peratus (%)	Mean	Sisihan Lazim	Peratus (%)
Item 11	19.72	4.5233	40.5	20.08	5.4215	59.5
Masa	19.72	4.5233	40.5	20.08	5.4215	59.5

Jadual 9. Data secara keseluruhan menunjukkan pandangan terhadap aspek masa mengikut jantina. Didapati min bagi pelajar perempuan, min = 20.08 mencatatkan perbezaan min yang kecil dengan pelajar lelaki, min = 19.72, perbezaan min sebanyak 0.36. Walaubagaimanapun, pelajar perempuan lebih tinggi memilih aspek masa berbanding pelajar lelaki.

Jadual 10 Ujian-t Perbandingan Pandangan Pelajar Terhadap Aspek Masa

Jantina	n	Mean	Sisihan Lazim	Nilai t	df	Sig.
Lelaki	30	19.9000	2.2338	-2.733	58	.000
Perempuan	30	21.0667	.6915			

Jadual 10, menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara pandangan insaniah pelajar lelaki dan perempuan terhadap aspek masa iaitu pada nilai $t = -2.7333$, $P < 0.05$. Ini bermakna terdapat konflik pandangan pelajar terhadap masa yang dilihat wujud dalam bentuk kerohanian, keturunan, saling berhubungan, individualistik, sokongan luar dan materialistik semasa menjalani kehidupan di universiti.

Jadual 11 Pandangan Keseluruhan Pelajar Mengenai Masa

Item Ruang	Kategori (%)					
	KR	BH	SL	ID	PJ	MT
11. Masa wujud sebaga (f) semua masa saling pengaruh mempengaruhi satu sama lain.	3(4.9)	3(4.9)	26(43)	11(18)	11(18)	7(12)
Total	3(4.9)	3(4.9)	26(43)	11(18)	11(18)	7(12)

Jadual 11, data menunjukkan secara terperinci pandangan pelajar terhadap item masa. Didapati seramai 26 orang (43%) memilih item 11 semua masa saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain yang dikategorikan sebagai saling berhubungan. Oleh itu, data secara jelas menunjukkan dalam aspek masa (43%) pelajar menekankan kategori saling/perbubungan masa dengan setiap aktiviti kehidupan berbanding kategori yang lain. Hal yang demikian kerana terdapat banyak kekangan yang berkaitan dengan masa sebagai contoh terdapat pekara yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana perlu menghadiri kuliah malam, kuliah ganti dan aktiviti lain. Selain itu, jadual belajar yang dirancang oleh pelajar tidak dapat diikuti dengan sepenuhnya.

Perbezaan pandangan pelajar terhadap aspek orientasi mengikut jantina

Jadual 12 Pandangan Terhadap Aspek Orientasi

Item	Lelaki			Perempuan		
	Mean	Sisihan Lazim	Peratus (%)	Mean	Sisihan Lazim	Peratus (%)
Item 12	20.12	4.4751	39.3	21.61	2.7803	60.7
Item 13	21.68	3.6368	40.7	21.92	2.4305	59.3
Item 14	21.12	5.0027	39.1	22.89	3.4705	60.9
Item 15	19.80	4.8391	38.9	21.61	3.1557	61.1
Item 16	21.04	4.5321	39.8	22.06	3.1708	60.2
Item 17	19.88	4.5398	38.5	22.03	2.5240	61.5
Item 18	20.44	3.5128	39.1	22.14	3.4571	60.9
Item 19	19.84	4.9555	38.0	22.44	3.7450	62.0
Item 20	19.16	4.6069	38.2	21.53	2.9422	61.8
Item 21	20.96	4.5413	39.7	22.14	3.8333	60.3
Item 22	20.48	5.0836	38.7	22.53	2.7411	61.3
Item 23	20.24	4.5118	40.4	20.75	3.6361	59.6
Item 24	21.44	4.1641	39.8	22.53	2.4082	60.2
Item 25	19.76	3.7890	37.5	22.83	2.8933	62.5
Item 26	21.20	4.6577	39.3	22.72	3.1497	60.7
Item 27	19.44	5.0256	38.5	21.58	3.5163	61.5
Orientasi	326.60	48.2683	39.1	353.31	27.0954	60.9

Jadual 12, secara keseluruhan menunjukkan pandangan terhadap aspek orientasi mengikut jantina. Didapati min bagi pelajar perempuan, min = 353.31 mencatatkan perbezaan min yang besar dengan pelajar lelaki, min = 326.60, perbezaan min sebanyak 9.447826.71, ini menunjukkan pelajar perempuan lebih tinggi memilih aspek orientasi berbanding pelajar lelaki. Berdasarkan jadual di atas, dapatan min tertinggi bagi lelaki adalah pada item orientasi bagi item ke 13 iaitu seseorang yang boleh dipercayai adalah sebanyak 21.68, manakala min tertinggi bagi perempuan adalah pada item orientasi bagi item ke 14 iaitu kesetiaan seseorang kepada organisasinya bergantung kepada beberapa aspek iaitu sebanyak 22.89.

Jadual 13 Ujian-t Perbandingan Pandangan Pelajar Terhadap Aspek Orientasi

Jantina	n	Mean	Sisihan Lazim	Nilai t	df	Sig.
Lelaki	30	326.333	23.8101	-2.321	58	.238
Perempuan	30	340.333	22.8976			

Jadual 13, membuktikan bahawa jantina bukanlah faktor yang dominan dalam mempengaruhi perbezaan pandangan insaniah pelajar terhadap aspek orientasi. Ini disebabkan dapatan tersebut, menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan hubungan kedua-dua pembolehubah yang tidak signifikan iaitu pada nilai $t = -2.321$, $P > 0.05$. Ini bermakna kategori jantina tidak memberi apa-apa mesej terhadap pandangan insaniah pelajar terhadap aspek orientasi.

Daripada Jadual 14, data menunjukkan secara terperinci pandangan pelajar terhadap item orientasi. Didapati seramai 31 orang (50.8%) memilih (b) seagama yang dikategorikan sebagai kerohanian bagi item (12), 32 orang (52.5%) memilih (c) berjiwa murni yang dikategorikan sebagai kerohanian bagi item (13), 27 orang (44%) memilih (f) bantuan-bantuan dari pelbagai lapisan pemimpin kepadanya yang dikategorikan sebagai materialistik bagi item (14). 39 Orang (63.9%) pula memilih (a) membawanya berdoa agar kegiatan kita diredhai yang dikategorikan sebagai kerohanian bagi item (15), 30 orang (49%) memilih (e) menggertak hendak meletak jawatan sekarang dan berpindah kerja yang dikategorikan sebagai individualistik bagi item (16), 37 orang (60.7%) memilih (d) meningkatkan pencapaian diri sendiri yang dikategorikan sebagai individualistik bagi item (17), 33 orang (54.1%) memilih (d) usaha gigih bagi menjayakan diri sendiri yang dikategorikan sebagai individualistik bagi item (18). Seramai 37 orang (60.7%) memilih (f) mengemas dan mengandam diri sendiri yang dikategorikan sebagai individualistik bagi item (19), 29 orang (48%) memilih (b) menambah ilmu agama yang dikategorikan sebagai kerohanian bagi item (20), 29 orang (48%) memilih item (b) budayawan dan ahli agama yang dikategorikan sebagai kerohanian bagi item (21).

Jadual 14 Pandangan Pelajar Terhadap Item Orientasi

Item Ruang	Kategori (%)					
	KR	BH	SL	ID	PJ	MT
12. Saya boleh menjalin persaudaraan dengan orang yang (b) seagama.	31(50.8)	9(15)	9(14)	6(9.8)	4(6.6)	2(3.3)
13. Seseorang boleh dipercayai adalah (c) berjiwa murni.	32(52.5)	8(13)	7(12)	7(11.5)	4(6.6)	3(4.09)
14. Kesetiaan seseorang kepada organisasinya bergantung kepada (a) pendapatan yang lumayan menerusi organisasinya.	9(14.8)	5(8.2)	9(15)	10(16.4)	1(1.6)	27(44)

Jadual 14 (*Samb.*)

15. Sebahagian besar masa yang ada pada kita patut digunakan untuk (a) berdoa agar kegiatan kita diredahi.	39(63.9)	4(6.6)	6(9.8)	4(6.6)	4(6.6)	4(6.6)
16. Besar kemungkinan saya dinaikkan pangkat dalam pekerjaan jika saya (e) menggertak hendak meletak jawatan sekarang dan berpindah kerja.	5(8.2)	2(3.3)	5(8.2)	30(49)	10(16)	9(14.8)
17. Saya akan dihormati jika (d) meningkatkan pencapaian diri sendiri.	4(6.6)	3(4.9)	10(16)	37(60.7)	3(4.9)	4(6.6)
18. Jalan terbaik untuk mendapat kedudukan tinggi di mata masyarakat (d) usaha gigih bagi menjayakan diri sendiri.	3(4.9)	5(8.2)	14(23)	33(54.1)	3(4.9)	3(4.9)
19. Masa saya akan rugi jika saya gunakannya untuk (f) mengemas dan mengandam diri sendiri.	2(3.3)	6(9.8)	9(15)	37(60.7)	4(6.6)	3(4.9)
20. Saya amat rela menggunakan wang untuk (b) menambah ilmu agama.	29(48)	10(16.4)	5(8.2)	10(16.4)	4(6.6)	3(4.9)

Jadual 14 (*Samb.*)

21. Saya memandang tinggi kepada (b) budayawan dan ahli agama.	29(48)	3(4.9)	10(16.4)	10(16.4)	5(8.2)	3(4.9)
22. Kehidupan saya sekarang dan masa depan lebih selamat dan terjamin (e) bekerja sendiri.	5(8.2)	2(3.3)	6(9.8)	34(55.7)	11(18)	4(6.6)
23. Kelemahan saya pada masa lepas ialah (b) kurang menitikberatkan diri sendiri.	5(8.2)	5(8.2)	13(21.3)	32(52.5)	6(9.8)	3(4.9)
24. Paling berharga dalam kehidupan saya (c) kehendak diri sendiri.	3(4.9)	2(3.3)	8(13.1)	36(59)	6(9.8)	-
25. Perkembangan diri saya bergantung kepada (c) perancangan saya sendiri.	6(9.8)	4(6.6)	9(14.8)	33(54.1)	7(11.5)	6(9.8)
26. Prestasi kehidupan saya untuk masa depan bergantung kepada (d) kebebasan berusaha sendiri.	3(4.9)	5(8.2)	11(18)	31(50.8)	9(15)	2(3.3) 2(3.3)
27. Prestasi kehidupan saya untuk masa depan bergantung kepada (d) kebebasan berusaha sendiri.	6(9.8)	5(8.2)	4(6.6)	35(57.4)	8(13.1)	3(4.9)
Total	211(22)	78(8)	135(14)	385(39)	89(9)	78(8)

Manakala 34 orang (55.7%) memilih (e) bekerja sendiri yang dikategorikan sebagai individualistik bagi item (22), 32 orang (52.5%) memilih (b) kurang menitikberatkan diri sendiri yang dikategorikan sebagai individualistik bagi item (23), 36 orang (59%) memilih (c) kehendak diri sendiri yang dikategorikan sebagai individualistik bagi item (24), 33 orang (54.1%) memilih (c) perancangan saya sendiri yang dikategorikan sebagai individualistik bagi item (25).

Seramai 31 orang (50.8%) memilih (d) kebebasan berusaha sendiri yang dikategorikan sebagai individualistik bagi item (26) dan seramai 35 orang (57.4%) memilih (f) menurut kehendak diri sendiri yang dikategorikan sebagai individualistik bagi item (27). Oleh itu, data secara jelas menunjukkan dalam aspek orientasi (37%) pelajar menekankan kategori individualistik berbanding kategori yang lain.

RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan kepada persoalan kemahiran insaniah calon guru UPSI pada penghujung tahun 2008. Antara objektif kajian iaitu: (1) mengenalpasti pandangan pelajar dari aspek kemanusiaan di antara pelajar dan masyarakat umum yang dihadapi setiap hari, (2) mengenalpasti pandangan calon guru ini dari aspek ruang dan peluang semasa berada di UPSI serta peluang yang diberi oleh pihak universiti dan kerajaan, (3) meninjau pandangan pelajar dari aspek masa yang digunakan di universiti ini untuk belajar untuk mencapai kejayaan yang cemerlang, (4) mengenalpasti pandangan pelajar dari aspek orientasi graduan bekerja sebagai guru di dalam kementerian dan juga luar Kementerian Pelajaran Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan calon guru ini memberi pandangan yang menunjukkan mereka bersedia, berkecukupan dan berkemampuan dalam setiap aspek yang dikaji dan calon ini perlu diberi latihan insaniah yang mantap lagi serta menjurus terhadap perkembangan modal insan yang diharapkan oleh pihak kerajaan dengan lebih berkesan lagi.

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini menunjukkan jantina calon guru UPSI adalah setanding dalam memberi respon terhadap kajian insaniah. Dapatan menunjukkan pelajar perempuan lebih tinggi pandangannya terhadap aspek kehidupan insaniah menerusi aspek kemanusiaan dengan menekankan kategori kerohanian sebagai pilihan. Hal ini kerana fitrah kejadian manusia yang bermula daripada roh yang ditetapkan sejak azali lagi. Roh itu kemudiannya dicantumkan dengan jasad yang terhasil daripada perkongsiaan suami dan isteri. Semua roh manusia sama ada yang kufur atau yang taat adalah suci. Kerohanian ini akan mula rosak apabila manusia mengingkari perintah Tuhan. Kajian ini secara jelas menyokong hakikat kejadian manusia dan kemanusiaan yang mempunyai hubungkait dengan roh. Sementara pelajar lelaki lebih memberi penekanan ruang, peluang dan orientasi. Oleh itu, dapatan ini juga menunjukkan bahawa pelajar UPSI layak untuk menjadi muallim, mu'adib, murabbi dan mudarish yang baik.

Kesedaran yang timbul dalam kalangan diri pelajar yang pelbagai jantina ini akan berhadapan dengan pelanggan semasa di sekolah dan membawah amanah pendidikan negara kepada masyarakat.

Bermula dari peringkat kerohanian seterusnya kajian ini juga melihat aspek ruang dan masa. Pelajar UPSI dilihat memberi keutamaan kepada kategori saling/perhubungan dalam menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar. Dapatan ini menunjukkan selain pelajar UPSI memilih kerohanian iaitu perhubungan dengan pencipta, pelajar juga memberikan penekanan terhadap aspek perhubungan sesama manusia. Dalam menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar, tidak banyak ruang dan masa yang berhak dipilih oleh pelajar kerana aspek ruang dan masa tersebut telah ditentukan dan perlu dipatuhi dengan sebaik mungkin. Hal ini kerana, masa yang telah ditetapkan terlalu padat dan ruang yang diberikan adalah terbatas kerana sebagai pelajar yang merupakan bakal pendidik ruang yang diberikan tertumpu kepada bidang pendidikan semata-mata dan hanya tertumpu kepada satu bidang tertentu sahaja. Tambahan lagi kebanyakan pelajar-pelajar ini apabila berada di sekolah yang sebenar, mereka terpaksa untuk mengisi kekosongan bidang yang terdapat di sekolah tersebut sedangkan mereka kurang mahir dan kurang berpengetahuan di dalam bidang tersebut. Disamping itu, pelajar perlu mengikut susunan masa kuliah dan aktiviti kemasyarakatan yang telah ditetapkan oleh pihak universiti bagi mendidik pelajar berdisiplin dan beretika. Namun begitu, keadaan ini berlaku disebabkan oleh aktiviti yang telah disusun oleh pihak universiti adalah terlalu padat dan seringkali mengalami pertindihan dengan jadual belajar individu. Oleh kerana itu, pelajar perlulah bijak membahagikan masa di antara jadual kuliah, aktiviti yang dijalankan oleh universiti dan juga dengan jadual belajar individu. Keutamaan perlulah diberikan kepada kategori saling/perhubungan ini adalah bertepatan dengan tugas sebagai seorang bakal pendidik dan pelajar perlu bijak menyesuaikan diri agar mampu untuk berhubung atau berfungsi dengan baik dalam kehidupan sebagai seorang pelajar UPSI.

Walaupun bagaimanapun, menerusi aspek orientasi pelajar UPSI dilihat lebih memberi penekanan kepada kategori individualistik iaitu lebih memberikan tumpuan kepada diri sendiri dan mengarahkan sendiri untuk berfungsi sebagai pendidik yang baik serta memahami kehendak keinsaniah, ketuhanan, kemanusiaan seiring, keindividualistik dengan matlamat dasar pendidikan. Aspek orientasi merupakan arah aliran yang diikuti oleh pelajar dalam melakukan perkembangan diri. Walaupun pelajar perlu mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh pihak universiti namun, tidak seharusnya pelajar mengabaikan perkembangan diri mereka sendiri. Pelajar perlu melihat kepada diri dan cuba untuk mengenali diri supaya pelajar lebih peka dengan apa sebenarnya tujuan menjadi seorang pendidik dan matlamat peribadi mereka. Setiap pelajar perlu mempunyai matlamat dan juga keinginan dalam kehidupan kerana bermula dari penetapan matlamat dalam diri, pelajar akan belajar untuk mencapainya dan seterusnya berusaha untuk melakukan perubahan dalam diri.

Setiap perubahan yang dilakukan oleh seseorang pelajar adalah bertujuan untuk mencapai kesempurnaan sendiri. Setiap pelajar ini mempunyai matlamat yang tersendiri dan cara tersendiri untuk mencapai matlamat tersebut. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan pelajar UPSI memberikan penekanan kepada kategori individualistik dalam menentukan arah aliran bagi perkembangan diri mereka. Walau bagaimanapun, dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih cenderung dan lebih baik dalam aspek orientasi. Dapatan yang diperolehi ini bertepatan dengan peranan guru yang perlu memberi peluang kepada diri sendiri untuk menentukan arah aliran dalam perkembangan kehidupan mereka pada masa akan datang untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran yang diajar adalah berkualiti.

Secara keseluruhannya dapatan kajian terhadap pandangan pelajar UPSI tentang insaniah diri ditahap bawah 50% bagi setiap kontrak-kontrak yang dikaji. Oleh itu diharapkan pihak pensyarah khas dan universiti amnya memberi penekanan yang serious supaya calon-calon guru ini mendalami kefahaman, amalan dan penghayatan nilai-nilai kemanusiaan, sendiri dan kerohanian demi menghasilkan modal insan yang jati diri serta bertanggung jawab kepada bangsa, agama dan negara.

CADANGAN

Berlandaskan kepada dapatan kajian, cadangan berikut dikemukakan:

- 1.1 Kemudahan latihan kerohanian untuk pelajar menjalankan usrah berkumpulan perlu dilengkapkan dan ditambah. Keadaan ini perlu dipercepatkan supaya pelajar tidak pulang ke asrama selepas kuliah.
- 1.2 Kemudahan beribadat khususnya untuk pelajar Islam juga perlu ada ruang untuk pelajar berbincang hal kemanusiaan, ketuhanan.
- 1.3 Melatih tenaga pengajar UPSI dengan modul-modul kesedaran berkaitan kerohanian, kemanusiaan yang sesuai bagi memantapkan ilmu pengetahuan dunia dan keagamaan serta kemahiran baru selaras dengan matlamat universiti untuk meningkatkan kualiti pengajaran di institusi pengajian perguruan tinggi.
- 1.4 Melatih semula tenaga pengajar UPSI dalam bidang-bidang keinsaniah yang melibatkan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai satu langkah yang progresif untuk perkembangan staf atau tenaga pengajar yang faham dan berpegang teguh kepada keagamaan.
- 1.5 Pihak UPSI perlu memikirkan peruntukan masa untuk pelajar belajar sendiri kerana banyak masa yang dihabiskan pelajar untuk menghadiri kuliah waktu siang dan malam, penglibatan dalam kegiatan kokurikulum dan menyiapkan tugas yang diberikan oleh tenaga pengajar.

- 1.6 Konflik masa untuk melibatkan diri dalam aktiviti kerohanian juga terjejas kerana waktu kuliah yang padat sehingga peruntukan untuk solat juga terjejas. Pelajar perlu bergegas menunaikan solat untuk menghadiri kuliah pada waktu malam. Oleh itu, pihak UPSI perlu memikirkan kaedah yang lebih bersesuaian untuk membantu pelajar mendepani konflik masa tersebut.
- 1.7 Kajian selanjutnya pula dijalankan untuk menambah maklumat tentang graduan UPSI dengan memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:
 - a. Kajian selanjutnya disyorkan agar diluluskan bilangan responden bagi setiap fakulti, agama dan etnik secara terperinci.
 - b. Kajian terhadap pensyarah sendiri perlu diadakan untuk melihat penekanan sama ada pensyarah memberi penjelasan kepada konsep ruang, masa dan orientasi dengan jelas kepada pelajar UPSI.
 - c. Kajian insaniah ini perlu dijalankan dalam tempoh dua kali setahun dan dilaksanakan dengan sistematik oleh setiap fakulti untuk melihat graduannya.

PENUTUP

Sebagai kesimpulan, keterjaminan institusi pendidikan di dalam negara adalah bergantung kepada perkembangan insaniah para graduannya. Oleh itu, bagi UPSI sebagai institusi pendidikan perguruan maka sudah tentu kajian yang berkaitan dengan insaniah sering kali dijalankan. Tujuan kajian ini untuk melihat perkembangan diri pelajar dari segi hubungan dengan manusia, ketuhanan, ruang, masa, peluang dan orientasi mereka setiasa dimanfaatkan serta memberi keuntungan. Kesan yang kurang baik seperti masalah ekonomi, sosial, budaya, dan aspirasi negara cuba ditenangkan kepada pelajar melalui kerezaan, kada dan kadar yang ditentukan oleh Allah. Diharap dengan cara ini pelajar dapat menunpukan pelajaran dengan baik.

BIBLIOGRAFI

- El Fatih A. Abdel Salam, (2008). Kerangka Teoritis Penyelesaian Kontiik. http://www.scripps.ohiou.edu/news/cmd/artikel_ef.htm. Dicapai pada 4 November 2008.
- Harun Yahya, (2008). Kelemahan Manusia. <http://www.barunyahya.com/indo/site/kehidupan/kelemahan.html>. Dicapai pada 4 November 2008.

- Sekaran, Uma. (1992). *Research. Method For Business: A Skill Building Approach*. (Secand Edition). New York. John Wiley & Sons. Inc.
- AbdullahAb.mad Badawi, (31 Mac2006). Berita Harian. Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9). <http://www.angelfire.com/country/maridjan/agama.htm>. Dicapai pada 4 November 2008. b.[http://ms.wikipedia.org/wiki/ Agama](http://ms.wikipedia.org/wiki/Agama). Dicapai pada 4 November 2008.